

02 MAR 1998

MAHATHIR: KAMI SAMBUT BAIK PELABURAN DARI TAIWAN DAN NEGARA LAIN

PETALING JAYA, 2 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia menyambut baik lebih banyak pelaburan asing bagi membantu meningkatkan ekonomi negara termasuk dari Taiwan.

Apabila ditanya oleh seorang pemberita dari Taiwan mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh negara itu bagi membantu ekonomi-ekonomi Asean, Perdana Menteri berkata: Kami menyambut baik pelaburan dari Taiwan sebelum ini. Saya rasa jika negara anda melabur lebih banyak, ia sangat membantu negara ini."

Terdahulu, Mahathir merasmikan Dialog Perkongsian Bijak Kebangsaan di Sunway Lagoon Resort Hotel, di sini.

Beliau menyatakan alasan Malaysia setakat ini untuk mengelak daripada mendapatkan bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) adalah kerana kerajaan dan sektor swasta "tidak memimjam terlalu banyak wang sebelum ini."

"Kami sangat tegas dalam pentadbiran kewangan negara, kami sangat konservatif. Bagaimanapun apabila nilai matawang menurun, pastinya kami menghadapi masalah kerana kami kini jatuh miskin," tambahnya.

Sebagai menjawab soalan pemberita Taiwan mengenai hubungan masa hadapan di antara Malaysia dan negara itu, Mahathir berkata: "Kami mengiktiraf dasar satu-China. Bagi kami hanya terdapat satu China, tetapi kami sentiasa menjalinkan hubungan dengan Taiwan." -- BERNAMA

RAZ ZK MA